KANDUNGAN

RUKUN NEGARA ii

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN iii

KATA PENGANTAR iv

PENDAHULUAN 1

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN 3

PEMBINAAN KEMAHIRAN UNTUK PERKEMBANGAN MORAL 7

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri 9

BIDANG PEMBELAJARAN 2 : Nilai Berkaitan Dengan Kekeluargaan 17

BIDANG PEMBELAJARAN 3 : Nilai Berkaitan Dengan Alam Sekitar 21

BIDANG PEMBELAJARAN 4 : Nilai Berkaitan Dengan Patriotisme 25

BIDANG PEMBELAJARAN 5 : Nilai Berkaitan Dengan Hak Asasi Manusia 29

BIDANG PEMBELAJARAN 6 : Nilai Berkaitan Dengan Demokrasi 34

BIDANG PEMBELAJARAN 7 : Nilai Berkaitan Dengan Keamanan dan Keharmonian 39

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses kendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Moral, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dengan mengambil kira perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED ZIN
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Takrifan Pendidikan Moral

Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral.

Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Dengan itu murid dapat membina satu panduan hidup yang membolehkan mereka menjadi insan yang bermoral. Ini membolehkan mereka menjadi individu yang bertanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai panduan dalam melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial.

Prinsip-prinsip itu adalah :

- bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain.
- berpegang teguh pada ajaran agama.
- prihatin kepada alam sekitar.
- mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup.
- bersemangat patriotik.
- menghormati hak asasi manusia; dan
- mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

Pemilihan prinsip-prinsip di atas dilakukan untuk merealisasikan semangat dan hasrat yang terkandung dalam Rukun Negara, Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KANDUNGAN SUKATAN PELAJARAN

Tujuh Bidang Pembelajaran

Untuk membolehkan murid memahami, menghayati serta mengamalkan prinsip-prinsip tersebut, sebanyak **tujuh bidang pembelajaran** telah dikenal pasti dan nilai-nilai moral disampaikan menerusi bidang pembelajaran tersebut. Selain aspek kerohanian dan kemanusiaan, bidang pembelajaran itu juga menekankan aspek kemasyarakatan dan kebudayaan. Bidang pembelajaran tersebut adalah seperti yang berikut.

i. Nilai berkaitan dengan **Perkembangan Diri**

ii. Nilai berkaitan dengan **Kekeluargaan**

iii. Nilai berkaitan dengan **Alam Sekitar**

iv. Nilai berkaitan dengan **Patriotisme**

v. Nilai berkaitan dengan **Hak Asasi Manusia**

vi. Nilai berkaitan dengan **Demokrasi**

vii. Nilai berkaitan dengan **Keamanan dan Keharmonian**

Rangka Konsepsi

Pengajaran nilai berfokus pada Model Insan Menyeluruh yang meliputi tiga dimensi moral yang saling berkaitan. (Rajah 1: Model Insan Menyeluruh). Perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Pendidikan Moral yang efektif seharusnya membantu murid memahami nilai-nilai moral, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya, serta mengamalkannya dalam kehidupan harian. Ketiga-tiga dimensi ini perlu untuk membolehkan seseorang murid mencapai tahap kematangan moral.

Teori perkembangan moral yang sebaik-baiknya ialah yang mempertimbangkan ketiga-tiga dimensi ini, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsangkan lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berkenaan berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral. Program Pendidikan Moral ini tidak seharusnya mengabaikan aspek kesedaran hati nurani yang berfungsi menyepadukan ketiga-tiga dimensi moral tersebut.



RAJAH 1 : MODEL INSAN MENYELURUH

Matlamat Pendidikan Moral

Kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat membentuk individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

Objektif Pendidikan Moral

Kurikulum Pendidikan Moral membolehkan murid :

i. memahami dan menghayati nilai-nilai yang diperlukan untuk berakhlak mulia.

ii. menyedari dan menerima kepentingan keharmonian antara manusia dengan alam sekitar serta berusaha ke arah mengekalkannya.

iii. meningkatkan persefahaman dan kerjasama bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian hidup dalam negara Malaysia yang demokratik.

iv. mengembangkan pemikiran dan perasaan moral dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; dan

v. mempunyai iltizam untuk mengamalkan tingkah laku yang bermoral secara adil dan altruistik selaras dengan nilai murni masyarakat Malaysia.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Tujuan

Huraian Sukatan Pelajaran disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kematangan murid. Buku ini juga menyediakan penerangan untuk membantu guru melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral dalam bilik darjah dengan berkesan.

Penerangan Lajur

Huraian Sukatan Pelajaran mengandungi bidang pembelajaran, nilai, penerangan nilai, kandungan akademik, hasil pembelajaran, dan cadangan aktiviti pembelajaran. Setiap bidang pembelajaran dan nilai diperincikan mengikut tahun. Walaupun bidang pembelajaran dan nilai yang sama diajar pada setiap tahun, skop dan penekanan berbeza kerana isu moral atau kandungan yang dikemukakan semakin kompleks dan mendalam selaras dengan tahap kematangan murid.

Format Empat Lajur

Huraian Sukatan Pelajaran menggunakan format empat lajur utama, iaitu :

Lajur Nilai 1

Lajur Kandungan Akademik 2

Lajur Hasil Pembelajaran 3

Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran 4



HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN MORAL KBSM
TINGKATAN SATU

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.1 Kepercayaan kepada Tuhan	Tuhan pencipta alam		
Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhanNya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.	Keistimewaan dan keunikan ciptaan Tuhan • Manusia dan alam semesta ialah ciptaan Tuhan - Anggota yang tersusun rapi dan wajah yang menarik hamiam Tuhan - Keunikan setiap individu walaupun cacat anggota Keunikan alam semesta (Flora dan fauna, bentuk muka bumi seperti sungai, gunung-ganang dan laut)	i. Menerima hakikat bahawa kekurangan dan kelebihan diri ialah anugerah Tuhan ii. Memelihara keunikan alam semesta ciptaan Tuhan	i. Perbincangan tentang kelebihan dan kekurangan diri ii. Mengumpul maklumat tentang pencapaian dan keunikan golongan yang cacat anggota iii. Lawatan ke hutan simpan atau hutan rekreasi

1 2 3 4 5 6 7 8

Lajur Nilai

Dalam lajur ini disenaraikan nilai-nilai yang terkandung di bawah Bidang Pembelajaran. Setiap nilai disertakan penerangannya 5 **yang dipetik daripada Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Semakan).**

Lajur Kandungan Akademik

Bagi setiap nilai disediakan kandungan akademik yang diolah bersesuaian dengan kebolehan dan tahap kematangan murid bermula dari diri, keluarga, masyarakat, negara hingga ke peringkat antarabangsa.

Kandungan akademik bagi setiap tingkatan disusun dengan jelas bermula dengan tema 6 **diikuti oleh** tajuk pengajaran 7 **dan** huraian tajuk pengajaran 8 **yang disertakan dengan contoh jika perlu bagi memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.**

Dalam perkembangan kurikulum dan proses pembelajaran, nilai dan kemahiran tidak boleh dipisahkan daripada kandungan atau pengetahuan akademik. Diandaikan bahawa murid akan berfikir secara kritikal serta bertindak lebih efektif terhadap sesuatu isu moral jika mereka dapat mengkaji dan memahami konsep isu itu, asal usulnya dan kesan-kesannya. Dengan adanya kandungan akademik ini, murid dapat mentelaah dan mengkaji bahan pembelajaran secara lebih terperinci. Kandungan akademik yang dimasukkan meliputi pelbagai bidang seperti agama, sejarah, alam sekitar, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan. Oleh itu, kandungan akademik harus diajar serta dipelajari bersama nilai dan kemahiran dalam usaha mencapai matlamat pendidikan moral.

Lajur Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah penerangan atau penyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang murid dijangka atau diharap mencapai dalam setiap tahun. Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan yang disampaikan.

Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran

Lajur ini memuatkan cadangan aktiviti dan contoh isu atau situasi untuk pengajaran dan pembelajaran. Isu atau situasi yang dikemukakan bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman diri murid tetapi juga meliputi hubungannya dengan keluarga, komuniti, negara, dan peringkat antarabangsa. Aktiviti, isu atau situasi tersebut tidak hanya terbatas kepada cadangan yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran ini tetapi guru boleh mengambil contoh lain daripada pelbagai sumber asalkan dapat memperkukuh nilai yang diajar.

Walaupun fokus pengajaran dan pembelajaran adalah kepada satu nilai, nilai-nilai lain yang sesuai perlu dihubungkaitkan dan digabungjalinkan supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik, berkesan dan menyeluruh. Selain itu, unsur-unsur ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain harus disepadukan dalam merancang aktiviti sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Contoh Persembahan Lajur

TINGKATAN 3

BIDANG PEMBELAJARAN 1: **Nilai Berkaitan Dengan** Perkembangan Diri

LAJUR NILAI

Nilai : **Kepercayaan kepada Tuhan**

Penerangan nilai:

Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.

LAJUR KANDUNGAN AKADEMIK

Tema : **Hukum dan fenomena alam merupakan peraturan yang ditetapkan olehPencipta**

Tajuk pengajaran : Pengurusan alam secara Bertanggungjawab tanda Bersyukur dengan anugerah Tuhan

Huraian tajuk pengajaran :

- Pengurusan alam secara berhikmah untuk kebaikan semua hidupan

LAJUR HASIL PEMBELAJARAN

Menguruskan alam dengan penuh tanggungjawab sebagai tanda kesyukuran terhadap anugerah Tuhan

LAJUR CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN

i. Tayangan video/gambar/slaid tentang keindahan alam ciptaan Tuhan

ii. Membuat buku skrap tentang keindahan alam ciptaan Tuhan

iii. Lawatan ke tepi pantai/sungai/hutan simpan

PEMBINAAN KEMAHIRAN UNTUK PERKEMBANGAN MORAL

Kemahiran Utama

Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran generik, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan konflik dan kemahiran sosial. Penguasaan kemahiran-kemahiran ini akan membolehkan murid menghadapi dunia ledakan maklumat dan alaf baru dengan penuh keyakinan dan sikap bertanggungjawab sosial dan moral. Penguasaan kemahiran ini juga akan membantu pembinaan daya tahan dan kebolehan menghadapi segala tekanan dan cabaran hidup di kalangan murid. Mengajar murid kemahiran-kemahiran ini boleh dianggap sebagai satu cara memupuk dan merangsang perkembangan moral mereka.

Kemahiran Penyelesaian Konflik

Guru boleh mengajar kemahiran penyelesaian konflik yang akan membantu murid membuat keputusan berasaskan nilai dengan mengambil kira perbezaan nilai yang ada pada diri sendiri dan orang lain. Penguasaan kemahiran penyelesaian konflik melalui Pendidikan Moral boleh membantu murid berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain secara lebih berkesan dan mengelakkan sebarang konflik.

Kemahiran Pemikiran Kritikal

Guru juga perlu mengajar murid cara menggunakan kemahiran pemikiran kritikal berpandukan pengetahuan moral supaya murid dapat menilai sama ada sesuatu tindakan atau perkara itu bermoral atau tidak. Dalam konteks ini, pengajaran kemahiran ini akan membantu menyemai nilai moral dalam jiwa murid. Kemahiran pemikiran kritikal ini juga membantu murid menyelesai masalah dan membuat keputusan yang lebih baik dan seterusnya berjaya dalam kerjaya mereka.

Kemahiran Pemikiran Kreatif

Kebolehan berfikir secara kreatif membantu murid mencari dan bertemu dengan cara penyelesaian dan alternatif yang lebih baik ketika menghadapi masalah dan konflik dalam kehidupan. Pendidikan Moral memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dalam menjalankan aktiviti yang bermanfaat untuk diri sendiri dan orang lain.

Kemahiran Menentang Tekanan Rakan Sebaya

Penguasaan kemahiran menentang tekanan rakan sebaya sangat penting dalam pendidikan nilai atau moral, khususnya apabila kemahiran ini digunakan dalam usaha pencegahan salah guna dadah atau sebarang bentuk salah laku yang lain. Mengajar murid menentang tekanan rakan sebaya tidak bermakna mengajar mereka tidak mempedulikan nasihat yang baik daripada rakan sebaya mereka tetapi mengajar murid supaya berfikir, berbincang dengan sumber lain dan mempertahankan nilai moral sendiri.

Kemahiran Mengkaji Masa Depan

Pendidikan Moral memupuk kemahiran mengkaji masa depan di kalangan murid iaitu pendekatan pembelajaran yang membolehkan murid menyedari tentang isu atau permasalahan yang berlaku pada masa yang lampau, masa kini dan masa depan. Ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat serta bersedia menyesuaikan diri terhadap perubahan yang mungkin berlaku.

Kemahiran Teknologi Maklumat

Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, murid diberi kesempatan mencari dan memperoleh sumber-sumber maklumat yang tepat melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi seperti *Internet,* laman *web, e-mail, CD-Rom* dan sidang telekomunikasi. Aktiviti seperti ini dapat berfungsi sebagai perangsang dan pemangkin kepada perkembangan minda murid. Selain itu melalui Pendidikan Moral, murid-murid dapat membuat pertimbangan dengan mencari maklumat yang positif dan mengelakkan mereka daripada melayari laman-laman web yang berunsur negatif.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial memberi penekanan kepada kebolehan murid untuk berkomunikasi dengan orang lain dalam sesuatu situasi sosial yang boleh diterima oleh masyarakat dan pada masa yang sama bermanfaat kepada diri dan orang lain. Kemahiran sosial ini boleh diajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.

BIDANG PEMBELAJARAN 1

NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN PERKEMBANGAN DIRI

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.1 Kepercayaan kepada Tuhan Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala suruhan Nya berlandaskan pegangan agama masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.	**Hukum dan fenomena alam merupakan peraturan yang ditetapkan oleh Pencipta** Pengurusan alam secara bertanggungjawab tanda bersyukur dengan anugerah Tuhan • Pengurusan alam secara berhikmah untuk kebaikan semua hidupan	Menguruskan alam dengan penuh tanggungjawab sebagai tanda kesyukuran terhadap anugerah Tuhan	i. Tayangan video/gambar/slaid tentang keindahan alam ciptaan Tuhan ii. Membuat buku skrap tentang keindahan alam ciptaan Tuhan iii. Lawatan ke tepi pantai/sungai/hutan simpan
1.2 Amanah Sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.	**Pekerja beretika negara berjaya** Etika kerja yang positif sebagai satu budaya • Amanah dalam menjalankan tugas sebagai seorang pekerja - Peraturan kerja - Imej organisasi - Banteras rasuah	Bersikap amanah dalam melaksanakan tugas dengan mematuhi peraturan kerja	i. Temu ramah dengan kakitangan akademik/bukan akademik di sekolah tentang peraturan-peraturan kerja. ii. Kajian kes tentang etika kerja seorang guru, doktor dan polis. iii. Mengumpul maklumat daripada media cetak/elektronik tentang pekerja-pekerja contoh dalam sesuatu organisasi

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.3 Harga Diri Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.	**Pegangan hidup yang teguh menjamin maruah diri terpelihara** Keupayaan menjaga maruah diri dalam kehidupan • Amalan cara hidup yang sihat - Pegangan agama yang kukuh - Usaha memajukan diri dalam pelbagai bidang	**Mengamalkan cara hidup yang sihat demi maruah diri**	i. Mencari maklumat tentang kehidupan seorang yang berjaya dalam hidup ii. Perbincangan tentang cara untuk memajukan diri dalam pelbagai bidang
1.4 Bertanggungjawab Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.	**Pekerja bertanggungjawab produktiviti meningkat** **Sedar tentang tanggungjawab diri sebagai pekerja** • Sikap bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai seorang pekerja - Usaha meningkatkan produktiviti	**Menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan sebagai pekerja dengan sempurna**	Menyediakan senarai tugas seorang pekerja (guru, tentera, pekerja kilang pembuatan) dan membincangkan kesannya jika tugas tersebut tidak dibuat dengan bersungguh.

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.5 Hemah Tinggi **Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.**	**Amalan berhemah tinggi menjamin hubungan dengan individu lain** Kesediaan menilai diri sendiri sebelum menilai orang lain • Sedar dan sanggup membetulkan kesilapan diri • Sedia menerima kritikan dan pandangan yang membina	Bersedia mengakui kesilapan diri dan berfikiran terbuka terhadap kritikan dan pandangan untuk perkembangan diri	i. Menonton filem/membaca petikan dan menilai watak-watak yang menunjukkan kesediaan : - mengakui kesilapan diri - menerima kritikan - pandangan yang membina ii Main peranan – situasi berkaitan dengan menyedari dan mengakui kesilapan diri
1.6 Toleransi Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.	**Toleransi kunci penyesesaian konflik** Toleransi mewujudkan persefahaman • Amalan toleransi membantu menyelesaikan masalah - Saling memahami - Fikiran terbuka - Saling menghormati - Kesabaran - Baik sangka	Mengamalkan sikap toleransi semasa menyelesaikan masalah	i. Pemerhatian terhadap kumpulan yang membuat aktiviti menyelesaikan masalah dan membuat laporan ii. Mengumpul dan membincangkan isu daripada keratan akhbar yang menunjukkan amalan toleransi

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.7 Berdikari Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.	**Sikap berdikari asas kecemerlangan** **Sikap berdikari membawa kejayaan dalam bidang yang diceburi** • **Amalan berdikari dalam menjalankan tugas bagi memastikan kejayaan dalam kerjaya yang diceburi** - Pekerja - Usahawan - Ahli sukan	Berdikari dalam melaksanakan sesuatu tugas atau kewajipan dengan cemerlang tanpa bantuan orang lain	Tugasan kumpulan tentang sikap berdikari dalam melaksanakan sesuatu tugas di kalangan individu atau kumpulan dengan cemerlang - Pekerja - Usahawan - Ahli sukan
1.8 Kerajinan Usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara.	**Usaha berterusan menjamin kecemerlangan** Daya usaha pasti membawa kejayaan • Usaha yang berterusan bagi memastikan kejayaan dalam pelbagai bidang - Sukan - Ekonomi	Berusaha secara berterusan dalam pelbagai bidang sehingga berjaya	i. Mengumpul maklumat tentang kejayaan negara dalam bidang sukan dan ekonomi ii. Menyedia laporan tentang kejayaan negara dalam bidang tersebut iii. Lawatan ke industri kecil yang berjaya/persatuan sukan negeri/Majlis Sukan Negara

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.9 Kasih sayang Kepekaan dan perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas.	**Sayangi diri hargai kehidupan** Gejala HIV/AIDS mengancam kehidupan • Sedar akan punca dan akibat gejala HIV/AIDS • Tidak terlibat dengan gejala yang boleh menyebabkan HIV/AIDS • Usaha membantu penghidap HIV/AIDS	i. Menyayangi diri dengan menjauhi daripada gejala yang boleh menyebabkan HIV/AIDS ii. Membantu dan memberi sokongan moral kepada penghidap HIV/AIDS	i. Sumbang saran tentang sebab, akibat dan cara mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala HIV/AIDS ii. Menghasilkan esei bertajuk `Gejala HIV/AIDS mengancam manusia'. iii. Ceramah oleh wakil Majlis AIDS Malaysia
1.10 Keadilan Tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah.	**Pemerintahan yang adil, rakyat sejahtera** Prinsip keadilan kerajaan menjamin kesamarataan • **Layanan yang adil kepada rakyat jelata** - **Pendidikan** - **Kesihatan** - Infrastruktur	Menerima prinsip keadilan yang diamalkan kerajaan	i. Kaji selidik tentang kemudahan/ perkhidmatan asas yang disediakan oleh kerajaan di kawasan bandar dan luar bandar ii. Pidato yang bertema `Peluang-peluang pendidikan yang disediakan oleh kerajaan'

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
1.11 Rasional Boleh berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan berasaskan pertimbangan yang wajar.	**Amalan sikap rasional mencerminkan kebijaksanaan** Kebijaksanaan menimbangkan kesan sesuatu tindakan menjamin hubungan yang harmonis • **Kebolehan menimbangkan kesan pertuturan dan perlakuan terhadap diri dan orang lain** - Anggota keluarga - Rakan - Jiran	Berupaya menimbangkan kesan setiap pertuturan dan pelakuan	i. Mengkaji dialog (skrip/rakaman) yang menggambarkan penyelesaian masalah/ membuat keputusan tanpa pertelingkahan secara adil ii. Mengkaji skrip drama/sketsa/rakaman yang menggambarkan penyelesaian masalah/membuat keputusan tanpa pertelingkahan
1.12 Kesederhanaan Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.	**Kesederhanaan amalan mulia** Kesederhanaan menjamin kesejahteraan bersama • Amalan kesederhanaan dalam menyambut sesuatu majlis, perayaan dan hari kebesaran - Majlis keluarga - Majlis di sekolah - Perayaan agama/kaum - Hari kebesaran negara	i. Mengamalkan sikap bersederhana dalam menyambut sesuatu majlis, perayaan dan hari kebesaran ii. Menerima amalan kesederhanaan oleh keluarga, sekolah dan kerajaan	i. Senarai semak reaksi individu terhadap amalan kesederhanaan semasa menyambut perayaan/hari kebesaran ii. Mengumpul maklumat/gambar tentang sambutan kenduri/perayaan/hari kebesaran dan berbincang tentang amalan kesederhanaan semasa sambutan majlis berkenaan

BIDANG PEMBELAJARAN 2

NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN

BIDANG PEMBELAJARAN 2 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
2.1 Kasih Sayang terhadap Keluarga Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga.	**Kerukunan rumah tangga menjamin kesejahteraan keluarga** Kasih sayang ibu bapa membentuk kebahagiaan keluarga • Peranan ibu bapa mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang - Mengasuh - Memberi pendidikan	Menerima peranan ibu bapa dan mentaati asuhan dan didikannya	iv. Menyenaraikan peranan ibu bapa v. Melakonkan kehidupan sebuah keluarga dan membuat penilaian/ramalan
2.2 Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.	**Hormat budaya keluarga demi kesejahteraan bersama** Prinsip kekeluargaan membentuk imej keluarga • **Amalan prinsip kekeluargaan** - Peraturan - Maruah - Keputusan keluarga	Menerima dan mematuhi prinsip-prinsip dalam keluarga	i. Bercerita tentang prinsip kekeluargaan masing-masing - Peraturan, maruah dan keputusan keluarga ii. Mencipta prinsip kekeluargaan yang diingini

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
2.3 Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga.	**Tradisi kekeluargaan pengikat keluarga bahagia** Amalan adat dan pantang larang menjamin tradisi kekeluargaan • Amalan adat dan pantang larang memelihara keharmonian keluarga - Kelahiran - Perkahwinan - Kematian	**Menerima adat dan pantang larang demi kebaikan diri dan keluarga**	i. Mengumpul maklumat mengenai adat dan pantang larang keluarga ii. Menyediakan buku skrap tentang adat dan pantang larang keluarga
2.4 Tanggungjawab terhadap Keluarga Kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga.	**Kesejahteraan hidup berkeluarga memartabatkan maruah keluarga** Maruah keluarga tanggungjawab anggotanya • **Tanggungjawab memelihara maruah keluarga** - Usaha meningkatkan kemajuan diri dan keluarga - Tidak melibatkan diri dalam perlakuan yang tidak sihat	Menjaga nama baik dan maruah keluarga	i. Perbincangan tentang watak yang menjaga maruah keluarga berdasarkan tayangan filem/drama ii. Menyediakan peta minda tentang perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam menjaga maruah keluarga

BIDANG PEMBELAJARAN 3

NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR

BIDANG PEMBELAJARAN 3 : NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
3.1 Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem.	**Alam sekitar berkualiti menjamin kesejahteraan bersama** Penjagaan alam sekitar tanggungjawab bersama • Penglibatan dalam menjaga keseimbangan ekosistem - Individu - Berkumpulan	Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti penjagaan alam sekitar	vi. Mengumpul gambar dan keratan akhbar tentang perlakuan individu yang menjaga alam sekeliling vii. Sumbang saran tentang sebab, akibat dan cara mengawal pencemaran
3.2 Keharmonian antara Manusia dan Alam Sekitar Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara.	**Udara bersih anugerah Tuhan yang tidak ternilai** **Udara bersih menjamin hidup sihat** • Punca pencemaran udara dan kesannya • Peranan pelbagai pihak dalam menangani pencemaran alam sekitar	Tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh mencemarkan udara	i. Mengumpul maklumat tentang sebab, akibat dan cara mengawal pencemaran dari media cetak dan elektronik ii. Projek-projek pengawalan pencemaran udara – Projek kitar semula – Projek pelupusan sampah

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
3.3 Kemapanan Alam Sekitar Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup.	**Pengekalan sumber laut sebagai warisan alam** Pengekalan sumber laut tanggungjawab bersama • Kepentingan laut dan lautan kepada manusia - Sumber protein - Sumber tenaga • Tanggungjawab melindungi dan mengekalkan hidupan marin - Penyu - *Dugong dugon* - Terumbu karang	**i. Menyedari kepentingan laut dan lautan kepada manusia** **ii. Bertanggungjawab melindungi dan mengekalkan hidupan marin**	i. Tayangan filem dokumentari tentang kepentingan laut dan lautan kepada kehidupan ii. Menulis surat penghargaan kepada organisasi yang melindungi hidupan marin iii. Melibatkan diri dengan projek yang dijalankan bagi melindungi hidupan marin
3.4 Peka terhadap Isu-isu Alam Sekitar Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya.	**Tindakan bertanggungjawab menjamin kualiti alam sekitar** **Aktiviti terancang menjamin kualiti alam sekitar** • **Pengurusan aktiviti manusia secara terancang** - **Pembangunan yang terancang** - **Tiada pembakaran terbuka** - **Pembuangan sisa toksik secara terancang dan terkawal**	Lebih prihatin terhadap isu alam sekitar dan melibatkan diri dalam aktiviti menjaganya	i. Aktiviti kreatif seperti mencipta puisi/cogan kata/lirik dan melukis poster tentang penjagaan alam sekitar. ii. Mengumpul maklumat/membuat kajian kes tentang kegiatan yang merosakkan alam sekitar - Penerokaan hutan/pembalakan haram

BIDANG PEMBELAJARAN 4

NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

BIDANG PEMBELAJARAN 4 : NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
4.1 Cinta akan Negara Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.	**Sayangi khazanah negara, warisan bangsa** Khazanah negara kebanggaan kita • Khazanah negara dihargai dan dipelihara - Seni bina negara - Tempat-tempat bersejarah - Warisan kesenian negara	i. Berbangga dengan khazanah negara ii. Menyokong segala usaha pemeliharaan khazanah negara	viii. Aktiviti permainan tradisional - congkak, gasing dan wau ix. Buku skrap tentang khazanah negara dalam aspek seni bina negara, tempat-tempat bersejarah dan warisan kesenian negara x. Lawatan ke tempat-tempat bersejarah
4.2 Taat Setia pada Raja dan Negara Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada Raja dan Negara.	**Rukun Negara asas pegangan hidup rakyat** **Prinsip Rukun Negara dihayati bersama** • Kepentingan prinsip Rukun Negara • Usaha untuk menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara	Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara	i. Menyenarai perlakuan yang menunjukkan penghayatan terhadap Prinsip Rukun Negara ii. Minggu Penghayatan Rukun Negara Contoh aktiviti : kuiz/cogan kata/melukis poster

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
4.3 Sanggup Berkorban untuk Negara Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.	**Kesediaan rakyat berkorban untuk program negara menjamin kecemerlangan negara** Kesediaan menjayakan pelbagai program negara bermula dari hati • Kesediaan dan kesanggupan rakyat menjayakan pelbagai kempen negara - Melancong Dalam Negeri - Belilah Barangan Buatan Malaysia - Masyarakat Penyayang	**Menyokong dan melibatkan diri dalam pelbagai kempen negara**	i. Mencipta/mengumpul risalah tentang tempat-tempat pelancongan dalam negara ii. Pameran Barangan Buatan Malaysia di bilik darjah iii. Kutipan derma untuk Hari Pahlawan

BIDANG PEMBELAJARAN 5

NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

BIDANG PEMBELAJARAN 5 : NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
5.1 Melindungi Hak Kanak-kanak Membela, memberi naungan dan memelihara hak kanak-kanak bagi menjamin kehidupan mereka yang sempurna.	**Pendidikan sempurna membentuk insan cemerlang** Pendidikan menjamin masa depan anak-anak • Pembentukan insan berakhlak mulia melalui pendidikan formal dan tidak formal tanggungjawab bersama - Ibu bapa - Guru - Masyarakat - Media massa	i. Berhak mendapat didikan dan ilmu pengetahuan ii. Memahami dan menerima bahawa ibu bapa, guru, masyarakat dan media massa bertanggungjawab memberikan pendidikan kepada kanak-kanak	i. Perbincangan tentang peranan ibu bapa, guru, masyarakat dan media massa dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak ii. Pidato bertajuk 'Kepentingan kanak-kanak memperoleh pendidikan yang sempurna'
5.2 Menghormati Hak Wanita Melindungi dan mengiktiraf wanita sebagai individu yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.	**Pengiktirafan hak wanita menjamin kebahagiaan keluarga** Hak wanita sebagai isteri, ibu dan pendidik serta pengasuh dalam kehidupan berkeluarga • Hak wanita sebagai isteri seperti mana dalam `ikrar nikah' • Hak wanita sebagai ibu - Pengurusan keluarga - Peranan sebagai pendidik dan pengasuh	i. Menerima wanita sebagai anggota penting dalam keluarga ii. Menghormati peranan wanita sebagai ibu yang menguruskan rumah tangga	i. Forum - `Peranan wanita dalam keluarga' ii. Pantomin – Hari Ibu

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
5.3 Melindungi Hak Pekerja Menghormati, menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara.	**Pengiktirafan terhadap pekerja pemangkin produktiviti** Hak pekerja untuk mendapat pengiktirafan • Jasa dan sumbangan pekerja perlu dihargai - Hari pekerja - Ganjaran dan penghargaan	Menyokong usaha mengiktiraf jasa dan sumbangan pekerja	i. Sumbang saran/perbincangan tentang sumbangan pekerja dalam kehidupan seharian ii. Mengumpul maklumat tentang objektif Hari Pekerja disambut setiap tahun iii. Mencipta slogan bagi mengiktiraf sumbangan pekerja kepada negara
5.4 Menghormati Hak Golongan Kurang Berupaya Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya supaya tidak berasa tersisih dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan.	**Kecacatan bukan penghalang produktiviti** Golongan kurang berupaya mampu menyumbang kepada negara • Peranan dan sumbangan golongan kurang berupaya dalam pelbagai bidang - Ekonomi - Sosial - Agama	Menerima bahawa golongan kurang berupaya juga dapat menyumbang dalam pelbagai bidang	i. Lawatan ke rumah golongan kurang berupaya ii. Membuat folio tentang individu/golongan kurang berupaya yang berjasa

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
5.5 Melindungi Hak Pengguna Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi.	**Pendidikan kepenggunaan membantu menegakkan hak pengguna** **Pengetahuan kepenggunaan pemangkin kualiti barangan dan perkhidmatan** • Pendidikan kepenggunaan mendidik pengguna bersikap lebih rasional - Pilihan barangan dan perkhidmatan berdasarkan harga dan kualiti - Menyuarakan ketidakpuasan hati - Tuntutan ganti rugi melalui pampasan - Tuntutan terhadap alam sekitar yang bersih dan selamat	Mengguna pengetahuan kepenggunaan dalam menegakkan hak sebagai pengguna	i. Ceramah tentang pendidikan kepenggunaan oleh ahli kelab pengguna ii. Menulis surat/artikel menyuarakan ketidakpuasan hati tentang barangan yang dibeli atau perkhidmatan yang diterima

BIDANG PEMBELAJARAN 6

NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

BIDANG PEMBELAJARAN 6 : NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
6.1 Mematuhi Peraturan dan Undang-Undang Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira sesiapa dan di mana seseorang itu berada.	**Undang-undang menjamin kesejahteraan masyarakat** Undang-undang membantu masyarakat berdisiplin • Salah laku perlu diatasi berlandaskan undang-undang - Gengsterisme - Vandalisme - Pengedaran/penjualan bahan media berunsur lucah - Menciplak hasil ciptaan orang lain	Tidak melibatkan diri dengan kegiatan yang menyalahi peraturan dan undang-undang	i. Ceramah tentang salah laku yang perlu diatasi berdasarkan undang-undang ii. Forum/sketsa tentang kegiatan yang menyalahi peraturan dan undang-undang iii. Tayangan filem tentang salah laku
6.2 Kebebasan Bersuara Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman.	**Kebebasan bersuara mencerminkan kematangan diri** **Amalan berfikir sebelum bersuara menjamin keputusan terbaik** • **Amalan berfikir sebelum bersuara** - **Proses membuat keputusan dan mengambil tindakan**	Berfikir sebelum bersuara	i. Sumbang saran untuk menyelesaikan masalah tentang sesuatu isu dan membuat keputusan ii. Sesi perbincangan antara pengawas/AJK kelas/ pemimpin murid dengan murid-murid lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
6.3 Kebebasan Beragama Kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.	**Kebebasan mendapat pendidikan agama menjamin kesejahteraan bersama** Rakyat Malaysia bebas mendapat pendidikan agama • Peluang mendapat pendidikan agama seperti yang diperuntukkan - Pendidikan formal dan tidak formal (institusi pendidikan, rumah, tempat-tempat beribadat)	**i. Menerima bahawa setiap individu bebas mendapat pendidikan agama** **ii. Mendapat pendidikan agama secara formal atau tidak formal**	Mencari maklumat daripada internet tentang pendidikan agama dan membincangkannya.
6.4 Penglibatan Diri dalam Pembangunan Negara **Kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan negara dengan mematuhi peraturan, undang-undang dan Perlembagaan Malaysia.**	**Program negara dijayakan bersama** **Pelaksanaan kempen negara tanggungjawab bersama** • **Tanggungjawab pelbagai pihak bagi menjayakan kempen-kempen yang dianjurkan demi kemajuan negara** - Agensi kerajaan - Badan bukan kerajaan - Pihak swasta - Individu	Melibatkan diri dalam menjayakan kempen-kempen yang dianjurkan demi kemajuan negara	i. Melukis poster tentang kempen yang dianjurkan ii. Pertandingan mencipta/melukis logo/tema sempena sesuatu kempen iii. Perbincangan tentang lirik lagu bagi sesuatu sambutan kempen

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
6.5 Sikap Keterbukaan Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia.	**Sikap terbuka menjamin kebaikan semua pihak** **Amalan sikap terbuka menjamin hubungan yang harmonis** • Amalan sikap keterbukaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam pelbagai situasi - Perbincangan dan mesyuarat (keluarga, rakan, guru dan anggota masyarakat)	**Bersikap terbuka dalam membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah dalam pelbagai situasi**	Senarai semak : penilaian kendiri tentang sikap keterbukaan murid

BIDANG PEMBELAJARAN 7

NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

BIDANG PEMBELAJARAN 7 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
7.1 Hidup Bersama Secara Aman Hidup berbaik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian hidup tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.	**Penyelesaian konflik tanpa keganasan menjamin keamanan** Penyelesaian konflik secara diplomasi demi kebaikan bersama ● Penyelesaian konflik melalui meja perundingan - Keputusan dibuat dengan mendengar dan menganalisis masalah - Perundingan melalui perantaraan - Mahkamah	Berunding untuk menyelesaikan sesuatu masalah demi keamanan bersama	iv. Parlimen mini mendebatkan sesuatu isu v. Lawatan ke mesyuarat Parlimen/Dewan Undangan Negeri
7.2 Saling Membantu dan Bekerjasama Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat.	**Rakyat pemangkin kejayaan dasar negara** **Dasar negara dijayakan bersama** ● Saling membantu dan bersama-sama menjayakan pelbagai dasar negara - Ekonomi - Sosial	Menyokong dan melibatkan diri dalam menjayakan dasar negara	i. Menghasilkan peta minda tentang matlama/ objektif, pelaksanaan dan kesan sesuatu dasar kerajaan ii. Kajian tentang keberkesanan sesuatu program pembangunan negara kepada kerajaan dan rakyat

NILAI	KANDUNGAN AKADEMIK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
7.3 Saling Menghormati antara Negara Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara untuk menjamin kesejahteraan sejagat.	**Hormat-menghormati antara negara penting untuk kesejahteraan sejagat** Kemerdekaan lambang kedaulatan sesebuah negara • Kemerdekaan sesebuah negara dihormati • Sebarang bentuk pencerobohan terhadap sesebuah negara mesti dielakkan - Pencerobohan sempadan negara (daratan, perairan dan udara)	**Menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara**	i. Mencari maklumat dari internet tentang sejarah kemerdekaan negara-negara jiran ii. Mengumpul keratan akhbar tentang kes pencerobohan sempadan negara-negara di dunia dan membuat rumusan